

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB
[PULAI]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi kebebasan kepada pesawah memilih input penanaman padi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan, melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ada menyediakan pelbagai subsidi dan insentif input pertanian kepada pesawah. Antaranya adalah subsidi Racun Makhluk Perosak di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi di mana pesawah diberikan kupon bernilai RM200 setiap musim penanaman untuk memilih sendiri racun yang bertepatan mengikut kesesuaian kawasan penanaman padi mereka mengikut keperluan masing-masing. Pembelian racun melalui penggunaan kupon adalah berdasarkan senarai racun yang didaftarkan oleh MAFI yang dikemaskini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, senarai daftar ini merangkumi 72 jenis racun serangga, rumpai, kulat, tikus, siput serta lain-lain.

2. Manakala bagi input penanaman padi yang lain seperti baja dan pengapuran, Kementerian masih belum mempunyai sebarang perancangan untuk menyediakan senarai daftar produk-produk berkenaan. Namun, Kementerian sedang giat melaksanakan program *Site-Specific Nutrient Management* (SSNM) yang bertujuan memenuhi keperluan nutrien tanaman padi menerusi pengesyoran dan formulasi baja mengikut lokasi khusus.

Sekian, terima kasih.